

# Parameter Skim Kutu Emas Berdasarkan Karakter (*Takyif*) Fiqh

## Parameter Of The Gold Flea Scheme Based On Character of (*Takyif*) Fiqh

Muhamad Zuhaili Saiman<sup>1</sup>, Ahmad Dahlani Salleh<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM, Shah Alam, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Kajian Fiqh, UKM, Bangi, Selangor, Malaysia

### Progres Artikel

Diterima: 30 November 2021

Disemak: 30 November 2021

Diterbit: 30 November 2021

\*Perhubungan Penulis:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM,  
Shah Alam, Selangor, Malaysia

**Abstrak:** Skim kutu emas adalah inisiatif dari kutu wang yang dijalankan oleh sekumpulan bagi tujuan membeli emas hasil dari wang terkumpul yang diterima mengikut pusingan gilirann setiap ahli. Menerusi skim kutu emas ini, individu yang terlibat akan memperolehi sejumlah wang yang besar bagi tujuan membeli emas yang lebih berat. Permasalahan yang berlaku ialah nilai emas semasa adalah sering berubah dan perubahan tersebut jika mempengaruhi nilai kutu wang dalam skim kutu emas menyebabkan wujudnya isu syariah iaitu unsur *gharar* dan *riba* yang dilarang. Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis karakter (*takyif*) fiqh menerusi parameter operasi dalam skim kutu emas yang patuh syariah. Metodologi yang digunakan ialah kaedah kualitatif. Pengkaji menggunakan pendekatan kajian kepustakaan kerana sesuai dengan permasalahan yang dikaji. Reka bentuk kajian yang dipilih ialah analisis kandungan dan dokumen dari data-data dapatan berdasarkan bahan-bahan rujukan di perpustakaan bagi mengumpul data dengan bantuan buku-buku, majalah, jurnal, artikel, naskhah, catatan, dokumen, kertas kerja dan bahan-bahan bertulis yang lain. Hasil kajian, skim kutu emas ini mestilah dipastikan tidak bercanggah dengan Akta 28 berkaitan Kumpulan Wang Kutu 1971 yang melarang mana-mana skim wang kutu yang dijalankan berorientasikan keuntungan perniagaan. Selain itu, pengkaji juga membentuk satu parameter yang menggariskan enam perkara agar skim kutu emas ini memenuhi karakter (*takyif*) fiqh bagi membolehkan skim kutu emas yang dijalankan bebas dari isu syariah iaitu unsur *gharar* dan *riba*.

**Kata kunci:** skim kutu, isu syariah, parameter, emas

**Abstract :** The gold flea scheme is an initiative of flea fund carried out by a group for the purpose of buying gold from the accumulated money received according to the rotation of each member. Through this gold flea scheme, the individuals involved will earn large sums of money for the purpose of buying heavier gold. The problem is that the current value of gold is often changed and the change if it affects the value of flea fund in the gold lice scheme causes the existence of shariah issues that are the elements of *gharar* and *riba* that are prohibited. The objective of this study is to analyze the character (*takyif*) of fiqh through the operating parameters in a shariah -compliant gold flea scheme. The methodology used is a qualitative method. Researchers use a literature review approach because it suits the problems studied. The selected study design is the analysis of content and documents from the findings data based on reference materials in the library to collect data with the help of books, magazines, journals, articles, manuscripts, notes, documents, papers and written materials others. As a result of the study, this gold flea scheme must be ensured not to conflict with Act 28 related to the Flea Fund 1971 which prohibits any flea money scheme conducted in a profit-oriented business. In addition, the researcher also formed a parameter that outlines six things so that this gold flea scheme fulfills the character (*takyif*) of fiqh to enable the gold flea scheme to be carried out free from shariah issues, namely the elements of *gharar* and *riba*.

**Keywords:** "kutu" scheme, shariah issue , parameter, gold

## Pengnalan

Wang kutu merupakan satu operasi pengamalan yang melibatkan beberapa individu atau pihak bagi memberikan hutang atas sesuatu jumlah yang dipersetujui bersama yang diberikan secara mengikut giliran dan tempoh pusingan. Setiap individu yang menyertainya akan mendapat jumlah penuh dari keseluruhan ahli yang disertai apabila sampai gilirannya untuk menerima kutu bulanan berdasarkan tempoh giliran. Berkenaan skim kutu, di bawah Seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 menjelaskan larangan dan menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang menjalankan perniagaan mengunjurkannya kumpulan wang kutu (Hasbi Sidek, 2018).

Walaupun begitu, pengamalan skim kutu secara individu berkumpulan terus berlaku dalam kalangan masyarakat namun bukan atas nama “perniagaan” atau juga pertubuhan. Ia lebih kepada penyertaan sukarela menerusi jaringan sosial masyarakat sama ada secara berkala bagi tujuan umum iaitu membantu kewangan atau secara khusus bagi mendapatkan sesuatu tujuan barang yang ingin dibeli seperti kutu untuk membeli perabot dan sebagainya. Skim kutu sama ada secara tujuan khusus atau umum terus mendapat tarikan memandangkan ia merupakan salah satu alternatif bagi saling membantu antara satu sama lain antara ahli yang terlibat.

Dan terdapat juga skim kutu yang dibuat secara khusus dalam urusniaga emas fizikal iaitu skim kutu emas. Skim kutu emas sama sahaja sebagaimana skim kutu yang umum tetapi mempunyai tujuan khusus iaitu duit terkumpul digunakan bagi membeli emas. Dan terdapat juga syarat dalam skim kutu emas iaitu bayaran yang terkumpul tidak diberikan dalam bentuk wang Ringgit Malaysia (RM) tetapi dalam bentuk emas yang telah ditukar.

## Kajian Literatur

Di Malaysia, terdapat larangan pada undang-undang menerusi Akta 28 iaitu pada Seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 yang memperuntukan hukuman jika disabitkan kesalahan ini boleh didenda tidak melebihi RM 500 000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya. Larangan oleh Akta 28 tersebut diperjelaskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bahawa ia tidak termasuk skim wang kutu tradisional yang lumrahnya dianjurkan atas dasar kemasyarakatan dan kepercayaan dalam kalangan jiran tetangga, sahabat handai, saudara-mara atau rakan kerja bagi tujuan mengumpulkan wang mengikut keperluan masing-masing tanpa sebarang keuntungan bagi mana-mana individu. Larangan Akta 28 diwujudkan adalah ke atas skim kutu moden yang berorientasikan perniagaan bagi mendapatkan hasil yang berlipat ganda berbanding

sumbangan yang diberikan termasuk sebarang pulangan tambahan selain daripada wang sumbangan asal. (BERNAMA, 2018)

Main wang kutu dalam kalangan masyarakat sudah menjadi lumrah kebiasaan sama ada sesama jiran tetangga, saudara mara, kenalan sahabat malah rakan sepejabat. Sama ada ia dilakukan secara suka suka bagi tujuan menabung atau bagi tujuan khas terutamanya untuk meringan beban kewangan. Terdapat juga tujuan bermain kutu adalah untuk pembelian sesuatu barang yang diinginkan namun nilai harga yang tinggi menjadikan memerlukan bantuan tambahan kewangan. Ia memang dapat meringankan beban kewangan dan hutang (Siti Faridah, 2020).

Duit giliran yang terkumpul yang diterima dari wang ahli kumpulan yang lain dikira sebagai “*in advance*” dan ia tidaklah dilarang dari sudut undang-undang kerana ia hanyalah bersifat aktiviti pinjam meminjam dengan syarat rakan yang bersama dipercayai, dengan keterlibatan yang terhad dan munasabah beserta secara bertulis. (Zaharuddin Abdul Rahman, 2008)

Konsep wang kutu adalah merujuk kepada akad hutang (*al-qard*). Akad hutang yang berlaku dalam bermain kutu wang mestilah memelihara perkara yang dilarang oleh syarak iaitu tambahan kadar secara bersyarat ke atas penghutang berdasarkan hadith : “*Setiap hutang yang berlaku ke atasnya manfaat maka ia adalah riba*”, (al-Daylami; kitab al-Firdaus, no hadith 4778). Asas kepada permainan kutu wang ini ialah untuk saling bantu membantu di atas dasar kemasyarakatan dan saling percaya mempercayai. Ini bersesuaian dengan objektif *qardhul hasan* itu sendiri iaitu membantu golongan yang memerlukan dan juga memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ehsan dan saling bantu membantu di kalangan umat Islam. (Syahnaz Sulaiman, 2009).

Terdapat perbahasan kalangan para sarjana Islam mengenai syarat ke atas hutang untuk memberi hutang dalam konteks hukum bermain kutu. Ada pandangan yang mengharamkan skim kutu atas dasar syarat ini kerana ia membuka pintu riba disebabkan wujudkan syarat “manfaat” ke atas hutang sebagaimana penghujahan dalil larangan yang berbunyi “*Setiap hutang yang berlaku ke atasnya manfaat maka ia adalah riba*”,(al-Daylami; kitab al-Firdaus, no hadith 4778). Namun, Ada pandangan yang mengharuskan kutu wang ini kerana larangan asal tersebut ialah faedah itu hanya ke atas sebelah pihak sahaja iaitu pemutang dalam masa yang sama dibebani dan dizalimi ke atas penghutang atas “tambahan” luar yang dikenakan secara bersyarat. Apabila manfaat dikongsi oleh kedua-dua pihak dan bukannya satu pihak sahaja maka tidak berlaku penindasan sepertimana dalam perbahasan fiqh mengenai persoalan “*sufrajah*”. (Nazih Hammad, 2008)

Tambahan pula, syarat yang terdapat dalam kutu wang secara asasnya tidak bermasalah dan ia untuk lebih

memperkuuh manfaat bersama kalangan ahli yang terlibat. Apa sahaja sahaja syarat yang bermanfaat maka dibenarkan sebagaimana hadith “*Dan orang Islam terikat dengan syarat-syarat sesama mereka kecuali syarat yang mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram*”, (*al-Tirmizi; Sunan al-Tirmizi, no hadith 1352*)

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji menggunakan pendekatan kajian kepustakaan kerana sesuai dengan permasalahan yang dikaji. Kajian ini tidak melibatkan pengukuran atau teknik statistik dan penemuan yang dihasilkan juga tidak melalui prosedur statistik atau cara kaedah kuantiti yang lain. Untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan perbahasan kutu wang, skim kutu emas serta perbahasan hukumnya menurut perspektif syariah, pengkaji memilih reka bentuk kajian berbentuk analisis kandungan dan dokumen. Ia berdasarkan kepada keperluan kajian untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan melalui bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan dari data-data daptan berdasarkan bahan-bahan rujukan di perpustakaan dengan bantuan buku-buku, majalah, jurnal, artikel, naskhah, catatan, dokumen, kertas kerja dan bahan-bahan bertulis yang lain. Segala maklumat yang diperoleh digunakan bagi tujuan menyokong, menambah dan memperdalam pengetahuan pengkaji dalam menganalisis fokus tajuk yang dikaji agar dapat dikuasai.

## Analisis Skim Kutu Emas

Dalam operasi skim kutu emas perlu diperhalusi dari sudut operasinya yang berbeza kerana ia memberikan kesan pada hukum yang berbeza. Terdapat 2 operasi dalam skim kutu emas ini iaitu :

- Operasi 1. Serahan akhir diberikan kepada gilliran ahli ialah dalam bentuk emas pada timbangan berat yang ditetapkan hasil dari duit terkumpul. Duit terkumpul akan berbeza berdasarkan nilai emas semasa.
- Operasi 2. Serahan akhir diberikan kepada gilliran ahli ialah wang terkumpul dan ahli tersebut akan menggunakan membeli emas yang dikehendaki sebagai memenuhi syarat kelayakan ahli skim.

Berdasarkan operasi 1, terdapat isu syariah iaitu *gharar* dan juga unsur riba. Berlakunya *gharar* menerusi jumlah wang dengan nilai emas yang ditukarkan bagi setiap bulan, apatah lagi nilai emas setiap bulan tidak

sama. Ia menjadi penyebab kepada risiko spekulasi nilai yang sepatutnya diterima oleh ahli mengikut gilliran. Risiko spekulasi nilai adalah menyalimi pihak yang dibebankan ke atasnya. Risiko merupakan perkara negatif kerana ia berlawanan dengan maksud keuntungan. Risiko sebegini membawa kepada maksud bahaya (Muhammad ‘Immarah, 2009). Ini termasuk dalam kategori risiko yang diharamkan oleh Islam kerana bercanggah dengan maqasid al-syariah disebabkan berlakunya kemudaratan yang terdedah kepada kerugian yang besar dan risiko yang disengajakan (Zaharuddin Abdul Rahman, 2010).

Unsur riba pula berlaku dengan perbezaan nilai emas pada setiap bulan yang akan diterima oleh ahli mengikut gilliran. Ini lebih jelas jika syarat pembayaran bulanan setiap ahli adalah tertakluk kepada berat emas semasa yang berubah-ubah mengikut gilliran. Contoh, setiap ahli perlu membayar mengikut harga emas semasa iaitu sebanyak 10 gram. Ini kerana imbalan yang diberikan mengikut gilliran ialah 10 gram emas. Maka setiap kali pusingan gilliran, pembayaran ahli akan dibahagikan mengikut berat emas. Jika bulan Januari nilai emas 10 gram sebanyak RM2500 maka dibahagikan kepada 5 ahli yang terlibat. Dan pada gilliran bulan Mei, nilai emas naik kepada RM 2600 bagi 10 gram sebagai contoh, maka ia dibahagikan kepada 5 ahli skim. Ia jelas termasuk dalam larangan “*Setiap hutang yang berlaku ke atasnya manfaat maka ia adalah riba*”, al-Daylami; kitab al-Firdaus, no hadith 4778.

Pada Rajah 2, berlaku penetapan syarat di awal akad bagi kelayakan diterima sebagai ahli dalam skim kutu emas iaitu hasil wang terkumpul mesti digunakan bagi pembelian emas yang dikehendaki. Syarat ini dibenarkan berdasarkan kepada perbahasan mengenai penetapan syarat dalam akad yang dibenarkan berdasarkan garis panduan berikut (Atikullah Abdullah, 2007) :

1. Syarat yang dituntut oleh akad itu sendiri.
2. Syarat yang memperkuatkan tuntutan akad.
3. Syarat yang dinyatakan oleh syarak melalui nas atau qiyas.
4. Syarat yang telah diterima oleh uruf.

Ia tidak termasuk dalam konteks syarat-syarat yang hanya memberikan manfaat atau kelebihan kepada salah satu pihak yang berakad sahaja kerana setiap ahli yang layak diterima adalah mempunyai persetujuan yang sama iaitu wang terkumpul digunakan bagi membeli emas yang dikehendaki. Dalam masa yang sama syarat tersebut adalah umum tanpa memberatkan jenis dan berat tertentu kerana ia akan membebankan pada gilliran ahli yang ketika itu nilai emas sedang naik. Syarat yang ketat sedemikian adalah menyekat hak pemilik dalam penggunaan wang yang diperolehi. Syarat yang menyekat kebebasan hak pemiliki adalah diabaikan kerana hukum

asal memiliki harta ialah mempunyai hak penuh dalam menguruskannya (Persatuan Ulama Syria, 2019)

## Parameter Bagi Skim Kutu Emas Yang Menepati Karafter (Takyif) Fiqh

Apa pun skim emas yang dijalankan ini mestilah tertakluk dengan kebenaran undang-undang yang tidak membenarkan dijalankan secara promosi entiti perniagaan sebagaimana Akta 28 pada Seksyen 2. Setelah melepassi peruntukan kebenaran perundang di Malaysia ini, bolehlah kita menilai dari sudut karakter fiqh yang ingin dicadangkan parameter bagi skim kutu emas ini iaitu seperti berikut :

*Skim kutu emas ialah ialah gabungan kutu wang dan syarat tujuan membeli emas.*

Skim kutu emas ini berjalan sebagaimana skim kutu wang yang melibatkan penyertaan ahli dengan jumlah wang yang diberikan sebagai hutang kepada ahli lain mengikut jumlah amaun yang dipersetujui mengikut giliran yang telah ditentukan kepada setiap ahli. Ia tetap merupakan pengumpulan dalam berbentuk jumlah wang bukannya berbentuk emas yang diserahkan. Hanya, ahli yang tiba gilirannya mendapat jumlah wang menggunakan wang tersebut bagi membeli emas yang diinginkan. Pembelian emas menerusi hasil kumpulan wang merupakan syarat yang ditetapkan bagi kelayakan seseorang untuk menyertainya dan ia mesti memenuhi syarat tersebut.

*Asas akad skim kutu emas adalah akad hutang.*

Berdasarkan akad ini, setiap ahli mestilah memberikan jumlah wang (hutang) dengan nilai yang sama tanpa wujud sebarang pertambahan yang disyaratkan ke atas individu yang lain. Ini kerana pertambahan yang disyaratkan demikian adalah dilarang oleh syarak kerana wujudnya unsur riba. Jumlah wang mestilah sama nilai, adapun emas yang ingin dibeli oleh ahli tersebut tidak boleh dikenakan sama kerana terserah kepada kemampuan dan keinginan ahli berdasarkan jumlah wang yang diterima dengan pertimbangan nilai emas fizikal semasa yang berubah-ubah. Sehubungan itu, setiap ahli perlulah jelas berapa nilai bayaran yang perlu diberikan bagi setiap giliran dan jumlah yang bakal diperolehi apabila tiba gilirannya. Dan nilai ini mestilah sama bagi setiap ahli.

*Tidak boleh berlaku perubahan nilai semasa pusingan penuh dalam satu akad.*

Skim kutu yang dijalankan perlu jelas secara terperinci berapa tempoh pusingan keseluruhan bagi memastikan jumlah wang yang diberikan oleh setiap ahli adalah sama tanpa berlaku sebarang pertambahan ke atas sebahagian ahli yang lain. Setelah sempurna keseluruhan pusingan, setiap ahli perlu memperbaharui persetujuan akad dengan nilai dan tempoh terbaharu bagi mengelakkan sebarang bentuk ketidaktentuan tempoh yang boleh membawa unsur *gharar* dan *khatar* (bahaya). Perubahan nilai dan tempoh pusingan boleh berlaku setelah tamat akad yang pertama sebelum memasuki akad yang baru.

Jika terdapat ahli yang tidak berkemampuan untuk menyerahkan wang pada gilirannya maka ia dikira berhutang yang mesti dilunaskan secara bertanggungjawab. Tidak boleh dikenakan caj atau denda tambahan ke atas nilai hutang dengan alasan lanjutan masa yang diberikan kerana menyerupai hutang di zaman jahiliyah yang wujud unsur riba yang terlarang sebagaimana firman Allah yang bermaksud : “*Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalaupun kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapatkan kelak).*” (Surah al-Baqarah, 2 : 280)

Bagi mengelakkan hal ini terjadi, maka sebelum skim kutu emas ini dijalankan, penyertaan keahlian mestilah dipastikan dahulu latar belakang kemampuan kewangan bagi memperolehi jaminan kepercayaan agar tidak mengundang masalah kepada ahli yang lain.

*Syarat mestilah bersifat umum dan mendahului akad.*

Penetapan syarat bagi membuka penyertaan adalah diharuskan selama mana syarat tersebut tidak bercanggah dengan syariat dan tidak bertentangan dengan objektif akad terbina. Selain itu penetapan syarat tersebut yang menetapkan pembelian emas mestilah umum yang tidak menentukan secara terperinci atau spesifik ke atas emas dari sudut bentuk, jenis dan berat. Ini kerana syarat yang khusus akan membawa kepada bebanan dan boleh juga membuka pintu berlakunya riba yang terlarang.

Selain itu, penetapan syarat mestilah mendahului sebelum akad hutang menerusi skim kutu tersebut dilaksanakan. Begitu juga tidak boleh berlakunya penetapan syarat sedemikian selepas akad terbina kerana ia akan menghadkan kebebasan pemilik harta untuk menguruskan harta mengikut kehendak dan kemampuannya. Penetapan syarat sebelum akad terbina adalah bagi tujuan kelayakan sahaja dalam menghimpunkan jaringan sosial yang mempunyai objektif yang sama dalam pengumpulan wang menerusi skim kutu emas tersebut. Jaringan sosial ini masih lagi

dianggap sebagai konteks saling bantu membantu ke arah kebaikan kerana perkara yang ingin dibeli bukanlah perkara yang bercanggah dengan agama atau perundangan negara.

#### *Tidak boleh wujud orientasi keuntungan.*

Ini selaras dengan larangan oleh Akta 28 yang ada bagi memastikan tidak wujud unsur eksplorasi ke atas ahli skim kutu yang terlibat. Tambahan pula, caj yang dikenakan atas hutang tadi adalah terlarang kerana wujud syubhah yang membawa kepada unsur riba. Adapun yuran yang jika dikenakan akan menghilangkan dasar semangat tolong menolong yang merupakan lumrah pengamalan sedia ada dalam masyarakat menerusi pengumpulan wang kutu ini. Skim kutu emas ini mestilah kekal atas dasar tolong menolong sebagaimana pengumpulan kutu wang traditional bukanlah berubah menjadi entiti perniagaan yang diambil kesempatan oleh sebahagian antara mereka ke atas sebahagian yang lain atau pihak ketiga.

#### *Ahli yang terlibat mestilah dipercayai, elak wujud penipuan.*

Asas jaringan sosial dalam skim kutu ini ialah mestilah ahli yang terlibat terdiri dari kalangan yang dipercayai supaya tidak timbul isu penipuan yang membawa lari wang yang terkumpul. Untuk memastilah ahli yang terlibat, proses pengumpulan data dan akuanji terhadap tanggungjawab dalam menyempurnakan pusingan penuh boleh direkodkan secara bertulis agar lebih terjamin dan mengelakkan sesuatu yang tidak baik terjadi sebagaimana anjuran Islam menerusi firman Allah SWT yang bermaksud : “*Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar).*” (Surah al-Baqarah, 2 : 282)

## Kesimpulan

Skim kutu emas boleh dimanfaatkan bagi tujuan yang baik tanpa dijadikan orientasi keuntungan ibu kutu sebagaimana akta yang milarang. Skim kutu emas mesti mengekalkan matlamat asal wang kutu iaitu saling bantu membantu dan meringankan beban menerusi penerimaan wang sebagai *in advance* yang terima mengikut ketetapan giliran masing-masing. Hasil dari analisis isu syariah yang wujud dalam skim kutu emas ini, pengkaji membentuk satu parameter yang memenuhi karakter (*takyif*) fiqh yang mempunyai sebanyak enam perkara iaitu :

1. Skim kutu emas ialah ialah gabungan kutu wang dan syarat tujuan membeli emas.
2. Asas akad skim kutu emas adalah akad hutang.
3. Tidak boleh berlaku perubahan nilai semasa pusingan penuh dalam satu akad.
4. Syarat mestilah bersifat umum dan mendahului akad.
5. Tidak boleh wujud orientasi keuntungan.
6. Ahli yang terlibat mestilah dipercayai, elak wujud penipuan.

Kepentingan parameter ini adalah bagi tujuan penambahbaikan ini agar memastikan skim kutu emas ini mematuhi karakter (*takyif*) fiqh di samping memenuhi hasrat asas pengumpulan wang menerusi skim kutu dalam membantu ahli yang terlibat di antara satu sama lain. Parameter ini juga akan memastikan sektor kewangan Islam yang melibatkan uruniaga item *ribawi* iaitu emas lebih terjamin dengan prinsip syariah agar benar-benar kewangan Islam diangkat sebagai kewangan yang menjamin prinsip keadilan dalam urusniaga yang dilakukan.

## Rujukan/ Reference

- Al-Quran al-Karim.
- Ahmad Sufyan. 2019. Hukum Kutu Emas. <http://muamatlat.my/v6/blog/2019/01/25/hukum-kutu-emas/>
- Akta 28. Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971.
- Al-Ansari, Zakariyya. 2000. *Asna al-Matalib fi Syarh Rawdh al-Talib*. Beirut : Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah.
- Al-Dasuqi, Muhammad bin Ahmad bin Narafah. 1996. *Hasyiah al-Dasuqi*. Beirut : Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah.
- Al-Dorar al-Saniyyah. [www.dorar.net](http://www.dorar.net)
- Al-Salami, Nas Muhammad. 2008. *Al-Dhawabit al-Syar'iyyah li al-Istithmar*. al-Iskandariyyah : Dar al-Iman.
- Al-Shawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. 2002. *Naylu al-Autar*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 2002. *Al-Muamatlat al-Maliyah al-Mu'asirah*. Beirut : Dar al-Fikr
- Atikullah Abdullah. 2007. Penetapan Syarat dalam Akad Perniagaan. *Jurnal Syariah* 15 : 1 (2007), hlm 15-28.
- Azman Mohd Noor, Syahnazrin Hashim, Muhammad Nasir Haron. 2018. Kerangka dan Mekanisme Penentuan BERNAMA. 2018. Skim Kutu Traditional Tidak Termasuk Akta – SSM (20 September 2018). Astro awani: <https://www.astroawani.com/berita->

[malaysia/skim-wang-kutu-tradisional-tidak-termasuk-dalam-akta-ssm-186066](https://malaysia.skim-wang-kutu-tradisional-tidak-termasuk-dalam-akta-ssm-186066)

Hargaemas MY. Hargaemas.com.my

Hasbi Sidek. 2018. Main Kutu Satu Kesalahan (17 September 2018). BH online : <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/09/474595/main-kutu-satu-kesalahan-jsjk>

Ibn 'Abidin, Muhammad Amin bin Umar bin Abd Aziz. 2005. Hasyiah Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar. Beyrut : Dar al-Fikr.

JAKIM. 2014. Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Menurut Perspektif Islam. [http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/16014](http://esmaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/16014)

Kos Sebenar ke atas Produk Kewangan Islam. <http://drazman.net/wp-content/uploads/2018/08/Paper-kos-sebenar-revised-for-publication-dr-azman-010713.pdf>

Muhammad 'Immarah. 2009. Qamus al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah. al-Qahirah : Dar al-Salam

Nazih Hammad. 2008. Qadhaya Fiqhiyyah Mu'asirah fi iqtiasad wa Mal. Dar al-Qalam.

Persatuan Ulama Syria (Rabitah al-Ulama al-Suriyyin). 2019. Qurudh al-Jam'iyyah al-Ta'awuniyyah. Lihat : islamsyria.com : [https://islamsyria.com/site/show\\_consult/2620](https://islamsyria.com/site/show_consult/2620)

Pusat Rujukan Persuratan Melayu, prpm.dbp.gov.my

Siti Faridah Abdul Jabbar. 2020. Pastikan Kaedah Main Kutu Tiada Unsur Penipuan (29 September 2020). BH Online : <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/09/736307/pastikan-kaedah-main-kutu-tiada-unsur-penipuan>

Syahnaz Sulaiman. 2009. Konsep Pinjaman Menurut Perspektif Islam. Jurnal Penyelidikan Islam, JAKIM, 22 : 2009, hlm 167-188. [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/34094/Article\\_8.PDF](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/34094/Article_8.PDF)

Uthmani, Taqi. 2003. Buhuth fi Qadhaya Fiqhiyyah Mu'asirah. Damsyiq : Dar al Qalam.

Zaharuddin Abdul Rahman. 2008. Permainan Kutu dan Hukumnya (Kemaskini). <http://www.zaharuddin.net/kewangan/689-permainan-qkutuq-dan-hukumnya-kemaskini.html>

Zaharuddin Abdul Rahman. 2010. Riba dan Isu Kewangan Semasa. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn Bhd.